



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **3 Dis 2020 (Khamis)**

#### **Utusan Malaysia**

Azmin: Tun M tawar jadi saksi 1

#### **Harian Metro**

Saring 247 pekerja kargo 2

#### **Kosmo**

Selangor laksana tiga inisiatif bendung Covid-19 3

Kes harian turun ke tiga angka 4

Johan dilantik sebagai CEO Red Giants FC 5

#### **Sinar Harian**

KSSB prihatin nasib mangsa banjir 6

ADUN Meru gesa Top Glove tutup semua 28 kilang 7

Kluster Teratai merebak 8

MITI lancar geran automasi pintar 9

#### **Era FM**

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19 10

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19 11

#### **Selangor TV**

Buka Peluang Kerja, Gilap Potensi Anak Muda 12

Daftar Saringan Melalui SELangkah, Keputusan Dalam Talian 13

Empat Langkah Dirangka Kerajaan Negeri Tangani Masalah Air Di Selangor 14

Kerajaan Negeri Tanggung Separuh Kos Program Isolasi Pekerja Kargo KLIA 15

Selcare Sedia Lanjut Saringan Jika Berkeperluan 16

Selcare Sedia Lanjut Saringan Jika Tidak Capai Sasaran 17

#### **Sinar FM**

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Program Isolasi Terhadap 247 Pekerja Bukan Warganegara Di Bahagian Kargo KLIA 18

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Program Isolasi Terhadap 247 Pekerja Bukan Warganegara Di Bahagian Kargo KLIA 19

#### **The Star**

COMPOUND REDUCTION 20

Malaysia, Singapore discuss HSR project status via video call 21

MBSJ rebrands online licensing system 22

Over 500 turn up for screening exercise in Meru 23

Miti launches smart automation grant for local players 24

Speedy response to laptop donation drive 25

DO YOU KNOW ... about Klang's bridges? 26

#### **Hitz FM**

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19 27



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Mix FM**

Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19 28

### **The Malaysian Reserve**

Dr Mahathir ready to be a witness in lawsuit against Azmin 29

### **Traxx FM (90.3)**

Selangor govt announces three measures to fight COVID-19 30

### **China Press**

Danger surrounds royal city; Clusters everywhere, Klang residents move with caution 31  
Free RTK Antigen tests are met with warm response; 400 people queue up at Jalan Meru for tests 32

### **Sin Chew Daily**

MBSA offers discount this month, 30% deduction for fines and traffic tickets 33  
The ditch of Jalan Bukit Angkat 2 needs to be improved, management committee will apply for allocation 34  
MPAJ: Factory and hawker to be bleached can apply for a temporary license for 2 years 35

### **Nanyang Siang Pau**

Siti Zubaidah appointed new PKNS CEO 36

### **Makkal Osai**

SOP operations in Selangor state 37

### **Malaysia Nanban**

Selangor to take 3 new initiatives to curb spread of Covid-19 38



**KERATAN AKHBAR**  
**3 December 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Azmin: Tun M tawar jadi saksi
Muka Surat	:	6

# Azmin: Tun M tawar jadi saksi


**KUALA LUMPUR:** “Saya sedia menawarkan diri sebagai saksi di mahkamah sekiranya keterangan saya diperlukan.”

Itu tawaran terbuka bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada 10 pengundi Parlimen Gombak yang mengambil tindakan undang-undang terhadap Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dr. Mahathir berkata, berdasarkan kandungan pernyataan tuntutan yang difailkan oleh kesemua plaintiff, beliau dinasihatkan oleh peguam bahawa tindakan ini diambil kerana Mohamed Azmin didakwa memungkir sumpah setia selaku ahli parlimen.

Katanya, bekas Timbalan Presiden PKR itu juga mengabaikan amanah pengundi-pengundi kawasan Gombak untuk kepentingan diri dan tidak menghiraukan janji yang dibuatnya semasa kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan melakukan kesalahan penipuan.

“Saya dapati pernyataan tuntutan mengandungi antara lain langkah Sheraton dan penubuhan kerajaan Perikatan Nasional (PN) memecah belah gabungan Pakatan Harapan (PH), kerajaan yang sah dipilih



**MAHATHIR MOHAMAD**

oleh rakyat.

“Terdapat juga pernyataan bahawa saya tidak menghadiri pertemuan di Hotel Sheraton pada 23.2.2020. Juga dinyatakan saya telah meletak jawatan pada 24.02.2020. Ini adalah seperti selalu saya tekankan bahawa perpecahan gabungan PH adalah akibat dari langkah Sheraton,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kelmarin, seramai 10 pengundi dari Parlimen Gombak memfailkan saman terhadap Mohamed Azmin atas dakwaan menipu dan melanggar tanggung jawab sebagai ahli parlimen kawasan berkenaan sehingga menyebabkan kerajaan PH tumbang melalui langkah Sheraton.

Plaintif yang berusia antara 36 hingga 64 tahun memfailkan saman itu pada 27 November lalu di Mahkamah Tinggi di sini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menambah, terdapat juga pernyataan bahawa Mohamed Azmin kini bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasion (BN) termasuk mereka yang telah, dan, atau masih menghadapi tuduhan-tuduhan jenayah.

“Kesemua perkara yang didakwa melalui tindakan yang difailkan ini telah pun saya nyatakan berulang kali.

“Wakil rakyat atau ahli parlimen harus faham bahawa rakyat memilih kita sebagai wakil mereka untuk bersuara di parlimen dan memimpin mereka, bukannya untuk kepentingan diri dan mendapatkan jawatan serta kuasa,” tegas Ahli Parlimen Langkawi itu.



**KERATAN AKHBAR**  
**3 December 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Saring 247 pekerja kargo
Muka Surat	:	9

# Saring 247 pekerja kargo

*Warga asing bertugas di KLIA diarah jalani pemeriksaan elak penularan wabak*

Oleh Norzamira  
 Che Noh  
 am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**S**eramai 247 pekerja warga asing yang bekerja di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) diarah menjalani saringan Covid-19 sejak 26 November lalu.

Program berkenaan berlangsung 14 hari sehingga 9 Disember ini dengan mengambil kira tempoh inkubasi.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, program inisiatif kerajaan negeri dan agensi berkaitan itu dilaksanakan untuk membantu dalam mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan pekerja di lapangan terbang terutama dalam kalangan bukan warganegara.

"Sebanyak empat syarikat mengambil bahagian dalam



WARGA tempatan dan asing yang bertugas di KLIA diarah menjalani ujian saringan Covid-19 sejak 26 November lalu.

siri pertama program ini membabitkan 231 pekerja lelaki dan 16 pekerja wanita berasal dari Bangladesh, Nepal, India, Indonesia dan Pakistan. Semua pekerja ini ditempatkan di Tune Hotel Aeropolis.

"Saringan pertama dilaksanakan terhadap semua peserta program sekurang-kurangnya tiga hari sebelum menyertai program ini. Kos saringan di-

tanggung pihak syarikat manakala bagi penempatan peserta, kerajaan negeri menanggung separuh daripada kos berkenaan," katanya, semalam.

Beliau berkata, sehingga kini, sejumlah 11,000 orang bekerja di bahagian kargo dan 9,056 (82%) individu warganegara serta bukan warganegara menjalani ujian saringan Covid-19 sejak Oktober sehingga semalam.

Katanya, daripada jumlah berkenaan hanya tujuh individu dalam kalangan pekerja di kargo dan warganegara dikesan positif Covid-19 sejak 26 November.

Amirudin berkata pihaknya turut mengarahkan Jawatankuasa Keselamatan Daerah, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah membuat penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pejabat ke-

sihatan daerah (PKD) supaya saringan pekerja asing dilakukan dengan segera seperti yang diputuskan kerajaan Persekutuan.

"Kami juga mengenal pasti lima lokaliti bagi menempatkan Pusat Rawatan dan Kuarantin Berisiko Rendah yang menempatkan pesakit positif Covid-19 yang tidak bergejala (*asymptomatic*) dan ini dilaksanakan bagi mengurangkan bebanan dan kepadatan hospital Covid-19 sedia ada.

"Selain itu, kerajaan negeri mengambil kesempatan memaklumkan orang ramai bahawa keadaan masih terkawal di Selangor walaupun jumlah kes Covid-19 tinggi.

"Ini kerana kes terbaharu itu didapati berlaku di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan kami percaya pelaksanaan PKPD dapat mengurangkan risiko pembekuan wabak berkenaan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>3 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Selangor laksana tiga inisiatif bendung Covid-19
Muka Surat	:	4

## Selangor laksana tiga inisiatif bendung Covid-19

Oleh **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**

**SHAH ALAM** – Tiga inisiatif dilaksanakan kerajaan negeri dalam membendung penularan Covid-19 termasuk program isolasi pekerja Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, seramai 9,056 pekerja di bahagian kargo telah menjalani ujian saringan dengan tujuh warga tempatan dikesan positif sejak Khamis lalu.

Katanya, kos saringan itu ditanggung pihak syarikat, manakala separuh kos penempatan program isolasi pekerja dari 26 November hingga 9 Disember depan ditanggung kerajaan negeri.

“Kita juga telah mengarah-



**PENDUDUK di Meru, Klang beratur bagi menjalani ujian saringan Covid-19 di Dewan Masyarakat Taman Meru 3 semalam.** – ZULFADHLI ZAKI

kan Jawatankuasa Keselamatan Daerah membuat penyelarasan bersama pihak berkuasa tempatan dan pejabat kesihatan daerah agar saringan pekerja asing dilakukan dengan kadar segera seperti diputuskan Kerajaan

Persekutuan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelasnya, kerajaan negeri sedang mengenal pasti empat hingga lima lokaliti bagi menempatkan Pusat Rawatan dan Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC) untuk pe-

sakit positif yang tidak bergejala bagi mengurangkan kepadatan hospital Covid-19 sedia ada.

Sementara itu, hanya 430 daripada 1,000 penduduk yang disasarkan hadir menjalani saringan Covid-19 secara percuma anjuran klinik milik Kerajaan Selangor, Klinik Selcare dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang.

Ketua Pegawai Operasi Selgate Corporation Sdn. Bhd., Mahdzir Ibrahim berkata, saringan komuniti bersasar itu melibatkan penduduk di Taman Meru 3, Taman Seri Meru, Taman Bayu dan Taman Desa Permai.

“Mereka hanya perlu membuat pendaftaran menerusi aplikasi SELangkah dan keputusan juga boleh disemak daripada aplikasi tersebut,” jelasnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**3 December 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kes harian turun ke tiga angka
Muka Surat	:	5

# Kes harian turun ke tiga angka

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian negara kini turun kepada tiga digit dengan 851 kes dilaporkan.

Jumlah tersebut antara lain disumbangkan oleh 44 kluster dengan tiga daripadanya merekodkan kes baharu tertinggi iaitu Kluster Batu Tujuh (51 kes), Kluster Beringin (36) dan Kluster Kaya (33).

Berdasarkan pecahan negeri, sebanyak 334 kes membabitkan negeri-negeri di Lembah Klang dengan Selangor merekodkan sebanyak 249 kes.

Pelaporan kes harian kedua tertinggi pula dicatatkan oleh Sabah dengan 229 kes diikuti Johor yang melaporkan sebanyak 102 kes.

Kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara mencatatkan sebanyak 17 kes melibatkan Kluster Tembok (14 kes), Kluster Matambai (dua) dan Kluster PTS Sibuga (satu).

Terdapat dua pertambahan kes kematian direkodkan di Sabah melibatkan dua lelaki berusia 63 dan 84 tahun sekali gus jumlah kematian Covid-19 terkini



**KERAJAAN Selangor menjalankan saringan bersasar secara percuma terhadap penduduk di empat lokaliti di Meru, Klang semalam.** – ZULFADHLI ZAKI

sebanyak 365 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lima lagi kluster baharu dilaporkan dan satu daripadanya Kluster Desa Pinang di Kepong, Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur serta

Gombak di Selangor.

Menurutnya, kes indeks tersebut lelaki berusia 24 tahun dikesan positif saringan bergejala dan susulan itu, sebanyak 25 kes dikenal pasti dalam kluster ini.

"Kluster Impian pula di Gombak dengan kes indeks wanita

berusia 27 tahun hasil saringan bergejala dan kemudian, sembilan lagi kes positif turut dikesan.

"Seterusnya, Kluster Baloi di Johor Bahru dan Pontian, Johor melibatkan kes indeks wanita berusia 42 tahun hasil saringan bergejala sekali gus sejumlah 30



**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	851
• <b>Import: 4</b> Tempat: 847	
• Pulih	658
• Kematian	2
• Masih dirawat	10,686
• Jumlah kes sembuh	56,969
• Jumlah Kematian	365
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>68,020</b>

lagi kes dikenal pasti," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau berkata, Kluster Jurnal pula dilaporkan di Titiwangsa, Kuala Lumpur iaitu kes indeks lelaki berusia 29 tahun hasil saringan sebelum ke luar negara dan susulan itu, 13 lagi kes dikesan positif dalam kluster ini.

"Kluster baharu yang terakhir ialah Kluster Seri Wangsa turut melibatkan Titiwangsa dengan kes indeks wanita berusia 38 tahun hasil saringan bergejala dan kemudian, lapan lagi kes turut dikesan positif," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>3 December 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Johan dilantik sebagai CEO Red Giants FC
Muka Surat	:	47

## Johan dilantik sebagai CEO Red Giants FC

**BEKAS** Setiausaha Agung Persekutuan Bola Sepak Selangor (FAS), Dr. Johan Kamal Hamidon telah dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Red Giants FC Sdn. Bhd. yang mengendalikan skuad Gergasi Merah berkuat kuasa kelmarin.

Sebagai rekod, Red Giants FC Sdn. Bhd. merupakan sebuah entiti yang menguruskan Selangor FC secara profesional dan dimiliki oleh beberapa pemegang saham termasuk Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Menteri Besar Incorporated (MBI) dan FAS.

Sementara itu, Muhammad Izrin Nabil yang sebelum ini memegang portfolio Ketua Unit Pertandingan FAS pula telah dilantik menjadi Setiausaha Agung FAS yang baharu.

Dari sudut kepimpinan tertinggi organisasi, kedua-dua entiti ini kekal bernaung di bawah kepimpinan Tengku Amir selaku Pengerusi Kelab dan Presiden FAS.

"Saya cukup mengenali Johan dan (Izrin) Nabil kerana telah bekerjasama dengan beta sejak dahulu lagi. Mereka merupakan individu yang komited dan jujur dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.

"Saya harap rakyat dan penyokong setia pasukan Gergasi Merah boleh memberikan kepercayaan dan kerjasama kepada dua individu ini dalam usaha mereka untuk mengembalikan kegemilangan bola sepak Selangor," kata Tengku



**JOHAN dilantik menjadi CEO Red Giants FC Sdn. Bhd. yang mengendalikan skuad Gergasi Merah pada saingan Liga Malaysia berkuat kuasa kelmarin.**

Amir dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Izrin Nabil percaya melalui proses pen-swastaaan ini, perbezaan peranan yang lebih jelas akan dapat dilihat antara FAS dan Selangor FC.

"FAS akan lebih memberi tumpuan kepada pembangunan akar umbi Selangor manakala Selangor FC akan berusaha dalam pembangunan bola sepak elit dan pengkomersialan bola sepak Selangor di peringkat profesional," kata Izrin Nabil.



**KERATAN AKHBAR**  
**3 December 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KSSB prihatin nasib mangsa banjir
Muka Surat	:	11

# KSSB prihatin nasib mangsa banjir

Turun padang bersama penghulu dan ketua kampung hulur bantuan



Kakitangan KSSB bersama MPKK menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir.



Mohd Mirza melawat keadaan mangsa banjir di Kampung Ijok.

**H**ujan yang berterusan menyebabkan beberapa kawasan rendah di Ijok, Kuala Selangor, di sini telah dinaiki air sejak 20 November lalu.

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah menyalurkan bantuan segera kepada mangsa banjir berhampiran tapak operasi KSSB di Kampung Batu 7 dan Kampung Seri Harmoni.

KSSB mengadakan kunjungan bersama penghulu dan ketua kampung ke rumah penduduk yang terlibat untuk melihat sendiri keadaan semasa rumah mangsa.

Sebanyak 35 buah rumah melibatkan golongan asnaf, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang terjejas akibat banjir diberi bantuan.

**“Sebanyak 35 buah rumah melibatkan golongan asnaf, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang terjejas akibat banjir diberi bantuan.**

Pemberian sumbangan berbentuk barangan makanan dan keperluan harian telah disampaikan sendiri oleh Pegawai Komunikasi Korporat KSSB, Mohd Mirza Kamarudin bersama Penghulu Mukim Api-Api/Ijok, Husain Idris; Ketua Kampung Ijok, Zairul Nizam Kaliwon dan Ketua Kampung Harmoni, Zulizam Ramli.

Sementara itu, Husain menyambut baik usaha yang dilakukan oleh KSSB dan berharap agar usaha murni itu

dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

KSSB turut berharap sumbangan

berkenaan sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir di kampung Ijok dan Kampung Harmoni.

## KRONOLOGI BANJIR DI KUALA SELANGOR

- Pada 18 November, media melaporkan seramai 21 mangsa banjir daripada sembilan keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Serbaguna Desa Coalfields Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS).
- Pembukaan PPS itu berikutan hujan lebat berterusan selama beberapa jam menyebabkan paras air meningkat hingga melimpah ke kawasan kediaman penduduk.
- Pada 19 November, dilaporkan jumlah mangsa banjir di PPS meningkat kepada 23 orang. Sebuah lagi PPS mangsa banjir dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, Ijok.



Penyampaian sumbangan kepada mangsa banjir.



Penyerahan sumbangan kepada mangsa yang terjejas akibat banjir.



## KERATAN AKHBAR

### 3 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	ADUN Meru gesa Top Glove tutup semua 28 kilang
Muka Surat	:	13

### ADUN Meru gesa Top Glove tutup semua 28 kilang

**KLANG** - Syarikat pembuat sarung tangan getah terbesar dunia, Top Glove digesa menutup kesemua 28 kilang dengan segera bagi membendung penularan wabak Covid-19 di kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhrurazi Mohd Mokhtar berkata, setakat semalam, difahamkan hanya 20 kilang syarikat itu ditutup untuk membolehkan pekerjaanya disaring dan melalui proses kuarantin manakala bakiannya masih beroperasi dan akan ditutup secara berperingkat.

"Penutupan kilang secara total perlu dilakukan buat se-

mentara waktu sebab kita tak tahu siapa dijangkiti. Mungkin terdapat warga tempatan yang bekerja di Top Glove turut dijangkiti dan berisiko merebak.

"Oleh itu, saya mengharapkan kesemua kilang ditutup segera buat sementara waktu, mungkin dalam tempoh dua minggu untuk pastikan wabak ini tak merebak," katanya ketika melawat lokasi saringan komuniti bersasar di Dewan Masyarakat Taman Meru 3 di sini semalam.

Sementara itu, lebih 400 penduduk sekitar Meru iaitu Taman Meru 3, Taman Seri Meru, Taman Bayu dan Taman Desa Permai menjalani saring-



Mohd Fakhrurazi melawat lokasi saringan komuniti bersasar di Dewan Masyarakat Taman Meru 3, Klang semalam.

an Covid-19 percuma di pakej rangan Dewan Masyarakat Taman Meru semalam.

Ketua Pegawai Operasi Selgate Corporation Sdn Bhd, Mahdzir Ibrahim berkata, sa-

ringan Covid-19 kali ini berbeza berbanding sebelumnya kerana menggunakan aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) dan penduduk perlu mendaftar sebelum

saringan.

"Penggunaan SELangkah akan berterusan selepas ini supaya keputusan makmal boleh diperoleh secara dalam talian dengan lebih mudah oleh pemegang akaun," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKPD di asrama pekerja Top Glove yang tamat bulan lalu dan disambung bermula semalam sehingga 14 Disember.

Ia melibatkan 13,190 pekerja kilang itu yang menginap di asrama pekerja lelaki dan wanita serta hampir 1,200 penduduk di Jalan Abadi 1A/8, Jalan Abadi 1A dan Jalan Abadi 10A/KU8.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>3 December 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kluster Teratai merebak
Muka Surat	:	13

# Kluster Teratai merebak

KKM kesan dua generasi jangkitan babitkan ahli keluarga

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**  
**TUAN MUHAMAD ADNAN**

## PUTRAJAYA

**J**angkitan Kluster Teratai yang bermula daripada asrama pekerja kilang Top Glove di Klang kini telah menular dalam komuniti di luar kawasan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sekurang-kurangnya 150 jangkitan dalam komuniti berkaitan kluster itu.

“Kita lihat sekarang ini warga asing tinggal di asrama dan penginapan disediakan majikan tetapi ada 164 pekerja tempatan yang duduk di rumah masing-masing,” katanya.

Menurutnya, apabila pekerja tersebut dijangkiti Covid-19, ia telah menjangkiti ahli keluarga lain.

“Kita dapati sudah ada dua generasi jangkitan yang membabitkan ahli keluarga,” katanya pada sidang akhbar perkembangan harian Covid-19 di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya telah memulakan saringan dalam komuniti untuk mengesan jangkitan tersebut.

“Kita menggunakan kit ujian pantas antigen (RTK-Ag) dalam kalangan




FOTO: BERNAMA

Petugas kesihatan membuat pemeriksaan ke atas pekerja Top Glove sebelum membawa keluar seramai 300 pekerja syarikat sarung tangan itu baru-baru ini.

penduduk di Meru, Klang,” katanya.

Setakat ini, Kluster Teratai merekodkan sebanyak 5,083 kes positif Covid-19 daripada 6,609 individu yang disaring.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd Fakhurulrazzi Mohd Mokhtar memaklumkan bahawa seramai 11 penduduk Meru dijangkiti Covid-19.

Sementara itu, pada perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sedang mempertimbangkan pegawai perubatan dan pasukan kesihatan awam yang ditempatkan secara sementara di Sabah supaya kembali semula bertugas di Selangor dan Negeri Sembilan.

“Ada permohonan daripada Selangor dan Negeri Sembilan untuk kembalikan petugas mereka berikutan kes yang tinggi di kedua-dua

negeri itu,” katanya.

Menurutnya, KKM telah menggerakkan 59 pegawai perubatan dan 57 anggota kesihatan awam secara dalaman ke lokasi yang memerlukan.

“Seramai 64 anggota kesihatan awam juga digerakkan dari negeri lain,” katanya.

Tambahnya, KKM turut mendapat sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Imam Response & Relief Team (Imaret), Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

“Antara tugas-tugas yang diarahkan adalah siasatan kes Covid-19, pengesanan kontak rapat dan pengambilan sampel di lapangan.

“Ini membantu KKM untuk mengoptimalkan sumber manusia kita sekali gus mempercepatkan saringan di lapangan,” katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>3 December 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MITI lancar geran automasi pintar
Muka Surat	:	30

## MITI lancar geran automasi pintar

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melancarkan Geran Automasi Pintar (SAG) yang bertujuan mendorong penerapan automasi untuk penggiat industri, terutama pengeluar dan penyedia perkhidmatan tempatan.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), komited untuk memacu industri dan perniagaan Malaysia ke arah automasi dan pendigitalan.

"Lebih daripada sekadar memiliki penyedia penyelesaian dan tenaga mahir yang sesuai, ia juga untuk memastikan keperluan mendapatkan bantuan kewangan dapat dipenuhi.

"Pelancaran SAG adalah tepat pada masanya untuk meningkatkan pelaburan domestik

strategik yang akan membantu dan memberi insentif kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat pertengahan (MTC) untuk memantapkan rangkaian operasi, pengeluaran dan perdagangan mereka pada masa depan," katanya dalam kenyataan semalam.

Inisiatif SAG itu adalah sebahagian daripada peruntukan RM100 juta dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan pada bulan Jun, 2020.

Geran itu akan diberikan secara padanan atau 50 peratus daripada jumlah perbelanjaan yang layak, sehingga had maksimum sebanyak RM1 juta bagi setiap syarikat.

PKS dan MTC yang melancarkan aktiviti pembuatan atau



**MOHAMED AZMIN**

perkhidmatan dalam tempoh 12 bulan lepas layak dipertimbangkan untuk pemberian SAG itu.

Untuk memenuhi syarat insentif itu, mesin automasi, peralatan atau perisian yang dibeli mesti digunakan secara langsung dalam rantaian nilai syarikat untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Penambahbaikan akan dinilai berdasarkan pelbagai kriteria seperti pengurangan pekerja tidak mahir, jumlah waktu bekerja, kadar kerosakan hasil pembuatan dan juga peningkatan jumlah pengeluaran.

Pihak berkepentingan yang berminat boleh mengemukakan permohonan bagi SAG itu kepada MIDA dari 1 November 2020 hingga 31 Disember 2021. - *Bernama*



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Tiga Inisiatif Dalam Membendung Penularan Pandemik Covid-19
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Buka Peluang Kerja, Gilap Potensi Anak Muda
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Daftar Saringan Melalui SELangkah, Keputusan Dalam Talian
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Empat Langkah Dirangka Kerajaan Negeri Tangani Masalah Air Di Selangor
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Tanggung Separuh Kos Program Isolasi Pekerja Kargo KLIA
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selcare Sedia Lanjut Saringan Jika Berkeperluan
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Selcare Sedia Lanjut Saringan Jika Tidak Capai Sasaran
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Program Isolasi Terhadap 247 Pekerja Bukan Warganegara Di Bahagian Kargo KLIA
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**2 December 2020**

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Kerajaan Negeri Selangor Melaksanakan Program Isolasi Terhadap 247 Pekerja Bukan Warganegara Di Bahagian Kargo KLIA
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>3 December 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COMPOUND REDUCTION
Muka Surat	:	2

## **COMPOUND REDUCTION**

Shah Alam City Council is giving a 30% reduction on compounds until Dec 31. For details, call 03 55222882 or 03 55105133 ext 1477, 1656, 1657 dan 1658 (Revenue Section) or visit [eps.mbsa.gov.my](http://eps.mbsa.gov.my)



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 3 December 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Malaysia, Singapore discuss HSR project status via video call
Muka Surat	:	2

### Malaysia, Singapore discuss HSR project status via video call

**PETALING JAYA:** Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin held a video conference with Singapore's prime minister Lee Hsien Loong on the High Speed Rail (HSR) project.

The conference call was made in view of the Dec 31 deadline for the second and final extension of the project's suspension.

"The Prime Ministers took stock

of the progress of discussions, and gained a good understanding of Malaysia's and Singapore's respective positions.

